

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S.SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK ABD RAHIM BIN BAKRI [KUDAT]
TARIKH : 23 NOVEMBER 2017
SOALAN : 25**

YB Datuk Abd Rahim Bin Bakri [Kudat] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan bilakah Kementerian bercadang untuk memulakan pembinaan klinik kesihatan di Pulau Tigabu Banggi sepertimana yang telah diluluskan dan dijanjikan oleh Timbalan Menteri Kesihatan semasa lawatan beliau ke Pulau Tigabu.

Tuan Yang di-Pertua

Keperluan sebuah klinik di Pulau Tigabu telahpun diambil perhatian oleh Kementerian Kesihatan memandangkan ia merupakan di antara pulau yang terpencil di perairan Sabah. Kementerian Kesihatan telah mengenalpasti tapak seluas 2 ekar bagi pembangunan klinik kesihatan di pulau ini pada 1 November 2017.

Untuk makluman cadangan asal perolehan tanah seluas 2 ekar yang dicadangkan oleh Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Kg. Tigabu tidak dapat diteruskan kerana tidak mendapat persetujuan tuan tanah.